

08/03/1999

Isu Labuan iktiraf kewibawaan BN

"KENAPA isu Labuan diungkit lagi?" tanya pemandu teksi yang saya tumpangi ketika membuat liputan lawatan kerja sehari Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Pulau Labuan kelmarin.

Anak jati Labuan itu hairan bagaimana isu yang sudah 15 tahun berlalu masih terus diheret dalam kancah politik Sabah sedangkan, menurutnya, penduduk Labuan selesa dengan keadaan sekarang.

Baginya, pengisytiharan Labuan sebagai Wilayah Persekutuan pada 1984 adalah sejarah yang sudah terukir dan tidak sewajarnya diungkit semula.

Kenyataan itu merujuk kepada intipati kempen pembangkang, baik Parti Bersatu Sabah (PBS) mahu pun Parti Barisan Rakyat Sabah Bersekutu (Bersekutu) yang menentang Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya Sabah, hujung minggu ini.

Antara lain PBS mempertahankan bahawa Labuan adalah hak Sabah, manakala Bersekutu sebelum ini mendakwa Kerajaan Persekutuan gagal membawa pembangunan untuk pulau itu seperti dijanjikan dahulu.

Sebenarnya dari segi geografi, Labuan yang berkeluasan 92 kilometer persegi dan terletak di utara Teluk Brunei menghadap Laut China Selatan, tidaklah terlalu jauh dari Sabah. Penerbangan udara dari Kota Kinabalu cuma 25 minit, manakala pelayaran feri dari Menumbok di tanah besar Sabah ke pulau bebas cukai ini cuma sekitar 50 minit.

Disebabkan keadaan inilah mungkin Labuan begitu sinonim dengan Sabah, apalagi dahulu ia di bawah satu sistem pemerintahan.

Ramai berpendapat, apapun tindakan yang mungkin diambil berhubung isu Labuan, rakyat dan penduduk Labuan seramai kira-kira 60,000 sendirilah yang sewajarnya 'bersuara' kerana ia membabitkan hak dan kepentingan mereka.

Seperti pemandu teksi dan kebanyakan anak jati Labuan, Ahli Parlimen Labuan, Datuk Abdol Mulok Awang Damit, nyata begitu kecewa kerana pembangkang terus mengheret isu Labuan dalam kempen politik pada pilihan raya negeri 12-13 Mac ini.

"Soal perisytiharan Labuan sebagai Wilayah Persekutuan adalah isu lapuk. Kita lihat Labuan kini membangun di bawah BN. Juga kita dapati penduduk Labuan secara umum menerima hakikat dan selesa dengan keadaan seperti sekarang," katanya.

Ketika ditemui di Lapangan Terbang Labuan kelmarin, Abdol Mulok yang turut menggembleng tenaga menjelajah beberapa kawasan di Tawau dan pantai barat Sabah membantu BN menjelaskan pelbagai isu politik termasuk soal Labuan, menegaskan perkara itu tidak sepatutnya diungkit.

Tokoh politik Labuan, Datuk Zaini Isa, iaitu bekas Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) dilantik turut mengakui pembangunan pulau Labuan sebelum 1984 tidaklah serancak sekarang.

Dahulu hanya ada sebuah hotel bertaraf bintang, tetapi kini sudah ada beberapa hotel bertaraf lima bintang. Dari segi sistem pentadbiran, ia lebih terurus apabila wujud tiga agensi utama dalam perancangan pembangunan Labuan iaitu Majlis Perbandaran Labuan (MPL), Jabatan Perdana Menteri cawangan Labuan dan Lembaga Pembangunan Labuan (LDA).

Sebenarnya Labuan begitu bertuah. Pentadbiran secara terus oleh Kerajaan Persekutuan menerusi Lembaga Pembangunan Labuan (LDA) membolehkan proses pembangunan dilaksana lebih cepat dan berkesan, berbanding dahulu ketika ditadbir kerajaan negeri Sabah.

Kini pulau yang pernah menjadi sebahagian daripada empayar kerajaan

Majapahit sehinggalah kejatuhannya pada abad ke-14 dan kemudian diperintah Sultan Brunei sehingga 1846 sebelum diserahkan kepada British, hanya mencapai era kemajuan dalam tempoh 15 tahun kebelakangan ini.

Terminal baru Lapangan Terbang Labuan bernilai RM138 juta yang ditinjau Dr Mahathir kelmarin, adalah mercu tanda terbaru pembangunan Labuan. Ia diyakini mampu menyokong status Labuan sebagai Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa (IOFC).

Di pusat bandar Labuan kini tersergam indah kompleks Ujana Kewangan, sebuah lagi mercu tanda pembangunan pulau bebas cukai ini.

Bagi Kerajaan Pusat, ia mempunyai banyak perancangan jangka panjang untuk Labuan. Yang terbaru adalah usaha menjadikannya pulau taman tercantik di dunia, sekali gus sebagai destinasi pelancongan selain sebagai IOFC. Khabarnya sejumlah RM133 juta disediakan oleh kerajaan untuk menjayakan matlamat berkenaan.

Projek lain, termasuk memajukan sukan air. Sesuai dengan kedudukannya dikelilingi laut, Labuan akan dimajukan sebagai pusat sukan air bertaraf antarabangsa dengan pembinaan Kompleks Sukan Air bernilai RM21.5 juta di Jalan Tanjung Purun berhampiran Pangkalan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM).

Kompleks berkenaan dijangka berupaya menghasilkan pendapatan lebih lumayan serta meningkatkan ekonomi Labuan dengan kehadiran peserta dan pelancong tempatan dan antarabangsa.

Dengan pelbagai pendekatan yang dilakukan Kerajaan Pusat, Labuan diyakini akan terus membangun dan menandingi Langkawi. Mengambil kira kedudukan strategik dalam lingkungan Kawasan Pertumbuhan Asean Timur-Brunei, Indonesia, Malaysia dan Filipina (BIMP-EAGA), Labuan berpotensi menjadi pulau terkenal di dunia dalam tempoh terdekat ini.

Barangkali tidak terlambat bagi rakyat Sabah yang masih bersimpati dengan pembangkang sekarang untuk melihat pembangunan di Labuan dari sudut yang positif.

Tindakan pembangkang mengungkit isu Labuan secara tidak langsung memberi pengiktirafan kepada kemampuan Barisan Nasional untuk membawa kemajuan kepada rakyat.

(END)